

15 FEB 1999

DR MAHATHIR KEMBALI DARI SIDANG KEMUNCAK G15

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali ke tanah air hari ini selepas menghadiri sidang kemuncak kumpulan 17 negara-negara membangun (G15) kesembilan di Montego Bay, Jamaica.

Hadir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk menyambut ketibaan beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada upacara perasmian sidang kemuncak itu, Dr Mahathir telah menyampaikan ucapan bagi pihak negara Asia daripada perkumpulan berusia sembilan tahun itu.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentine, Brazil, Chile, Egypt, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Zimbabwe dan Sri Lanka yang diterima masuk sebagai anggota ke-17.

Dr Mahathir turut berlepas ke Paris untuk lawatan kerja sehari dan semasa di sana beliau telah mengadakan perjumpaan selama dua jam dengan Presiden Perancis Jacques Chirac di Elysee Palace.

Pada pertemuan itu, Dr Mahathir menyampaikan perutusan khas negara-negara G15 serta mengadakan perbincangan dua hala mengenai isu-isu ekonomi dan politik.

Perdana Menteri kemudian berhenti sekejap di Amman, Jordan untuk menyampaikan ucapan takziah Malaysia dengan kemangkatan Raja Hussein secara peribadi, yang upacara pengkebumiannya minggu lepas tidak dapat dihadiri oleh beliau.

--BERNAMA
ARA RHM